

# Alih pelaburan ke seberang laut

U.M. 11 AUG 1993

(1)

**K**UALA LUMPUR 10 Ogos — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, masyarakat perindustrian negara ini perlu mula mengalihkan kegiatan pelaburan mereka ke seberang laut.

Kata Perdana Menteri, pengalihan tumpuan ke seberang laut penting dilakukan kerana pembangunan ekonomi Malaysia mula memasuki era teknologi maklumat dan persaingan dunia yang kian sengit.

Beliau berkata, strategi pengalihan tumpuan ini juga perlu meliputi kegiatan berteknologi tinggi, bernilai tambah dan menyediakan peluang perniagaan kepada pelaburan kecil dan sederhana.

Dr. Mahathir berkata demikian dalam perutusanannya sempena pelancaran majalah *North Review* yang diterbitkan oleh Kerajaan Negeri Kedah bagi menarik pelaburan luar ke Negeri Jelapang Padi itu.

Perdana Menteri melancarkan keluaran sulung majalah ini di sebuah hotel terkemuka di sini malam ini. Hadir sama pada majlis pelancaran itu ialah Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman Aroff dan Menteri Perusahaan Awam, Dato' Dr. Yusof Noor.

Menurut Dr. Mahathir, sejak tiga dekad lalu, Malaysia mengalami pelbagai perubahan struktur ekonomi daripada kegiatan ekonomi yang berasaskan

pertanian kepada fasa pembangunan industri.

Perubahan yang membanggakan itu, katanya, adalah hasil strategi kerajaan menggerakkan kegiatan perindustrian sepanjang tahun 80-an melalui penggabungan keupayaan tempatan dengan modal dan teknologi asing.

Beliau berkata, dasar kerajaan menggalakkan pelaburan dengan menawarkan pelbagai insentif termasuk penyediaan kemudahan asas juga terbukti amat berkesan.

"Hasilnya, sebahagian besar operasi industri te-

rus berkembang dan Malaysia kini dikenali sebagai syurga pelaburan," kata Perdana Menteri.

Dr. Mahathir menyifatkan kejayaan ekonomi Malaysia adalah berkat usaha dan sumbangan semua sektor termasuk agensi kerajaan, pihak swasta dan kerajaan-kerajaan negeri.

Perdana Menteri memuji langkah Kerajaan Negeri Kedah menerbitkan *North Review*. Katanya, usaha itu adalah selaras dengan aspirasi kerajaan menggalakkan pelaburan luar dan kegiatan industri.

Dr. Mahathir yakin, masa depan pertumbuhan wilayah utara khususnya Kedah adalah baik dan ini akan merancakkan lagi program perindustrian negara.

Beliau juga berkata, usaha-usaha ke arah menggabungkan kemajuan pertanian dengan kegiatan perindustrian seperti yang dilakukan di Kedah akan membuahkan hasil yang positif.

"Satu hari nanti kita akan melihat sebuah Kedah baru yang menjadi negeri moden yang maju pada tahun 2020," kata Perdana Menteri.